

SULIT/5226

NAMA : _____

TING : _____



SMK BUKIT BATU KULAI JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TASAWWUR ISLAM SPM 2021

5226

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nama** dan **tingkatan** anda pada ruangan yang disediakan.
2. Kertas ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan mana-mana **empat** soalan pada **Bahagian B**.
4. Tuliskan jawapan anda untuk **Bahagian A** di ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini.
5. Tuliskan jawapan anda untuk **Bahagian B** di kertas jawapan yang disediakan.

Untuk kegunaan pemeriksa	
BAHAGIAN A	/20
BAHAGIAN B	
1	
2	
3	
4	
5	
6	
JUMLAH	/60

Kertas ini mengandungi 9 halaman bercetak.

[20 markah]**Bahagian A**

Jawab semua soalan berikut.

Soalan 1 - 4

Tuliskan istilah yang betul bagi perkara berikut dengan memilih jawapan yang sesuai

	Pernyataan	Istilah
1.	Membenarkan dengan hati, berikrar dengan lisan dan beramal dengan anggota badan terhadap segala suruhan Allah SWT	
2.	Makhluk ciptaan Allah SWT yang di kurniakan akal dan di tugaskan untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT serta memakmurkan alam	
3.	Ketidakpastian dalam sesuatu akad @kontrak jual beli sama ada kuantiti, kualiti dan lain-lain	
4.	Kesalahan dan hukuman mengikut ketetapan syarak yang wajib di laksanakan sebagai menunaikan hak Allah	

Soalan 5 -8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul.

5. Sifat _____ menjadi asas penerimaan ibadah di sisi Allah SWT.
6. _____ menjadi syarat penerimaan taklif syarat islamiyah bagi manusia yang sempurna akal.
7. Antara _____ islam ialah amanah ketika bekerja seperti tidak menipu.
8. _____ di jadikan perlembagaan pentadbiran dan pengurusan zaman Rasulullah SAW.

Soalan 9 – 10

Lengkapkan jadual berikut berkaitan dengan contoh akhlak mahmudah

AKHLAK MAHMUDAH	
9.	10.


Soalan 11-12

Lengkapkan jadual berikut berkaitan dengan jenis muamalat

Penerangan	Jenis Muamalat
11. Zainab mengamanahkan wangnya kepada pihak bank islam untuk di simpan	
12. Puan Midah menggadaikan barangan kemas untuk mendapatkan sejumlah wang dalam memulakan perniagaan	

Soalan 13-14

Lengkapkan rajah berikut berkaitan dengan asas pergaulan




13. A ialah _____.

14. B ialah _____.

Soalan 15 hingga 16

Lengkapkan rajah berikut berkaitan dengan Prinsip Negara Islam



15 :P: _____

16. Q : _____

Tandakan (✓) pada pernyataan yang **BETUL** dan (X) pada pernyataan yang **SALAH**

	Pernyataan	✓ atau x
17.	Allah melantik Rasul adalah untuk menunjukkan cara hidup yang benar dan lengkap	
18.	Manusia di ciptakan oleh Allah adalah untuk mencari kesenangan duniawi	
19.	Pencegahan merupakan asas perundangan islam yang mencegah berulangnya perbuatan jenayah	
20.	Mensyariatkan hukuman hudud ke kepada pembunuh supaya wujud keadilan	

[80 markah]

Bahagian BJawab **empat** soalan pada bahagian ini.


1. (a) i. Nyatakan maksud ibadah dalam islam [2 markah]
 ii. Senaraikan **dua** jenis ibadah beserta contoh. [4 markah]
- (b) Terangkan **dua** kepentingan akhlak terhadap masyarakat. [4 markah]
- (c) Jelaskan **dua** keistimewaan pentadbiran dan pengurusan Islam. [4 markah]
- (d) i. Nyatakan **dua** ciri pentadbir yang baik. [2 markah]

ii. ***"Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya ,serta (janganlah) kamu mengkhianati Amanah-amanah kamu ,sedang kamu mengetahui(salahnya)"***
(Surah al-Anfal 8:27)

Berdasarkan firman Allah SWT di atas, berikan pandangan anda
 Apakah yang akan terjadi jika manusia mengabaikan larang tersebut [4 markah]

2. (a) i. Nyatakan maksud hamba Allah SWT. [2markah]
 ii. Terangkan **dua** tanggungjawab manusia terhadap Allah SWT. [4 markah]
- (b) Jelaskan dua sebab pemulihan menjadi asas dalam perundangan islam. [4 markah]
- (c) Huraikan bagaimana islam memelihara kesihatan akal manusia. [4 markah]
- (d) Gambar A dan B di bawah menunjukkan tindakan yang boleh dilakukan dalam menghindarkan diri dari perbuatan jenayah. Bincangkan. [6 markah]


Gambar A



Gambar B



3 (a)



RAJAH A

- i. Apakah yang di maksudkan dengan akhlak mahmudah dan nyatakan contoh di X dan Y.

[4 markah]

- ii. Islam menggalakkan pergaulan yang memberikan manfaat dan mengambil kira batas-batas mahram dan jantina.

Berdasarkan pernyataan di atas, nyatakan **dua** adab pergaulan dalam islam.

[2 markah]

- (b) Jelaskan tanggungjawab anda sebagai seorang anak

[4 markah]

- (c) Terangkan dua sebab islam menuntut umatnya bekerja.

[4 markah]

- (d) Gambar 1 di bawah berkaitan pekerjaan .




Gambar 1

Huraikan implikasi pekerjaan yang halal kepada masyarakat.

[6 markah]

- 4 a i. Nyatakan dua sumber utama sistem ekonomi islam. [2 markah]
- ii. Senaraikan empat prinsip asas sistem ekonomi islam. [4 markah]
- b Gambar 2 di bawah berkaitan dengan zakat.



Gambar 2


Terangkan peranan institusi di atas dalam menguruskan zakat. [4 markah]

- c. ***Keadaan pandemik akibat covid 19 menyebabkan murid – murid melaksanakan PDPR di rumah . Bagaimana sifat ihsan dapat membantu mengawal tingkah laku negatif dalam penggunaan talifon dalam kalangan murid.*** [4 markah]

Berikan hujah anda.

- d. Nyatakan tindakan yang boleh kita lakukan untuk menjadikan islam sebagai cara hidup. [2 markah]
- e. Nyatakan empat kepentingan amalan akidah menurut islam . [4 markah]

- 5 a. Terangkan DUA matlamat sistem kehakiman islam. [4 markah]
- b. Nyatakan 2 kesalahan Qisas beserta hukumannya . [4 markah]
- c. Gambar 3 di bawah merupakan Anugerah Allah kepada manusia.



Gambar 3

- i. Nyatakan ciri-ciri Gambar A . [2 markah]
- ii. ***“Menonton video lucah di haramkan oleh syarak kerana akan merosakkan A”.***
- Mengapakah masih ada segelintir masyarakat masih melakukan amalan yang tidak sihat. Bagaimanakah cara anda mengatasi masalah ini? [4 markah]
- d i. Apakah maksud wahyu? [2 markah]
- ii. Terangkan keistimewaan wahyu dalam memelihara akal [4 markah]

- 6 a i. Nyatakan maksud khalifah [2 markah]
- ii. Jelaskan **DUA** tanggungjawab khalifah [4 markah]
- b Nyatakan perbezaan negara Islam dan bukan Islam [4 markah]
- c Berdasarkan Gambar 4 di bawah, segelintir masyarakat khususnya remaja sering mengunjungi pusat hiburan yang menyajikan hiburan berbentuk tarian ,muzik dan pergaulan bebas



Gambar 4

- Bincangkan kesan hiburan yang melampau kepada remaja [6 markah]
- d Jelaskan adab kesenian menurut Islam [4 markah]

-----**Kertas Soalan Tamat**-----

Di sediakan oleh,

Di semak oleh,

Di sahkan oleh,

.....
(NORINTAN BT MOHAMAD)
Guru Mata Pelajaran

.....
(HANIZAH BT ABUBAKAR)
Ketua Panitia Tasawwur Islam

.....

